

Kerjasama UMS-YKN

UB 17.4.2019 B3

► Bakal wujud pusat sehenti gabungan komponen sosial pertama di Malaysia

Oleh YAP SIONG HAN

KERJASAMA di Kantara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyaksikan sebuah pusat sehenti yang menggabungkan komponen sosial seperti Anjung Kasih, Anjung Singgah, Food Bank dan lain-lain yang bercirikan elemen kebajikan sedang dalam perancangan untuk diwujudkan di tanah kebajikan UMS.

Projek usahasama antara YKN dan UMS itu adalah yang pertama diwujudkan di Malaysia sesuai dengan keperluan masyarakat di

Sabah.

Kerjasama YKN dan UMS itu dimeterai dalam satu Majlis Penyampaian Tajaan dan Tandatangan Memorandum Bersama Rakan-rakan Strategik YKN yang berlangsung di Dewan Perdana Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, di Kota Kinabalu pada Isnin.

Majlis itu disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Projek pusat sehenti itu

adalah kesinambungan terhadap kolaborasi yang sedia terjalin antara kedua-dua pihak yang sebelum ini telah menjalinkan kerjasama dalam menyediakan

perkhidmatan rawatan kemudahan di Pusat Dialisis UMS-YKN Kota Kinabalu untuk manfaat masyarakat setempat.

Terdahulu, UMS diwakili oleh Naib

“Saya menyeru dan mengalu-alukan agar lebih banyak syarikat korporat, GLC, institut pendidikan tinggi, agensi kerajaan, institusi kewangan, badan bukan kerajaan (NGO) dan juga individu untuk tampil membantu mereka yang memerlukan dan kurang berkemampuan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) masing-masing.”

DATUK SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



KAMARUDIN (kiri) dan **Che Asmah** (kanan) saling bertukar dokumen perjanjian sambil diperhatikan Wan Azizah.

Canselor Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin menandatangani dokumen perjanjian itu. YKN diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Datin Paduka Che Asmah Ibrahim.

Dalam pada itu, Wan Azizah dalam ucapannya berkata kolaborasi yang dijalin antara YKN dan Rakan-rakan

Strategik YKN itu dapat memperkasakan komuniti untuk meningkatkan taraf hidup golongan sasar YKN terutama sekali mereka yang memerlukan bantuan.

“Saya menyeru dan mengalu-alukan agar lebih banyak syarikat korporat, GLC, institut pendidikan tinggi, agensi kerajaan, institusi kewangan, badan

bukan kerajaan (NGO) dan juga individu untuk tampil membantu mereka yang memerlukan dan kurang berkemampuan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) masing-masing,” katanya.

Pada majlis itu, UMS adalah salah satu daripada 13 Rakan Strategik yang menandatangani jalinan kerjasama dengan YKN.